

Isu kemalangan maut babitkan pemandu mabuk

Masyarakat mahu hukuman lebih berat

Kaji selidik bermula 21 Mei hingga 4 Jun tinjau pandangan, maklum balas umum

Oleh Luqman Arif Abdul Karim
luqman.arif@bh.com.my

Kuala Lumpur: Hukuman lebih berat akan dikenakan terhadap pemandu mabuk sehingga menyebabkan kematian, jika kaji selidik bermula sejak 21 Mei lalu hingga 4 Jun ini, diambil kira.

Pertimbangan itu antara 26 soalan menerusi kaji selidik mengenai 'pengambilan alkohol dan penguatkuasaan undang-undang yang lebih tegas terhadap kesalahan memandu dalam keadaan mabuk' seperti diajukan Kementerian Pengangkutan.

Kaji selidik bagi meninjau pandangan dan maklum balas dalam kalangan masyarakat itu dijalankan susulan isu pemandu mabuk di Malaysia yang dilihat semakin meruncing.

Inisiatif kerajaan untuk merombak pendekatan bagi menangani isu terbabit mula dirintis apabila pelbagai pihak berpandangan bahawa tiga jenis hukuman yang dikenakan kepada pe-

mandu di bawah pengaruh alkohol setakat ini, iaitu penjara, denda dan hilang kelayakan lesen memandu adalah tidak setimpal.

Berang kerana isu pengaruh alkohol ketika memandu tidak berkesudahan, segelintir pihak menuntut supaya individu yang dibuktikan bersalah sehingga menyebabkan kematian perlu dijenara seumur hidup, malah berdepan hukuman tali gantung.

Hukuman keras sedemikian diketengahkan kerana menganggap 'hutaing nyawa harus dibayar dengan nyawa', selain diyakini berupaya menjadi pemangkin ke arah kesedaran dalam kalangan masyarakat sekiranya masih berdegil untuk memandu di bawah pengaruh alkohol.

Sisi lain berhubung isu itu yang turut diteliti Kementerian Pengangkutan menerusi kaji selidik berkenaan ialah kandungan alkohol dalam darah (BAC) untuk

Kaji selidik bagi meninjau pandangan dan maklum balas dalam kalangan masyarakat itu dijalankan susulan isu pemandu mabuk di Malaysia yang dilihat semakin meruncing.



Keratan akhbar BH semalam.

memandu, sama ada ia wajar dikurangkan daripada kadar semasa, iaitu 80 miligram alkohol dalam 100 mililiter darah atau bersamaan 0.08 peratus.

Tiga kadar baharu yang diperlakukan ialah 0.05 peratus seperti saranan Pertubuhan Kesihatan Sedunia, 0.02 peratus mengikut WHO untuk pemandu muda atau tiada langsung kandungan alkohol dalam badan.

Kementerian Pengangkutan melalui Bahagian Logistik dan Pengangkutan Darat (BLPD), pada 24 Mei lalu dilaporkan berkata soal selidik dalam talian itu dibuat selepas Jemaah Menteri bersetuju untuk mengkaji semula Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333).

Sejak kebelakangan ini, Malaysia dikejutkan dengan siri kejadian pemandu mabuk, 3 Mei lalu misalnya, seorang anggota

polis, Koperal Safwan Muhammad Ismail yang bertugas di sekat jalan raya di Plaza Tol Kajang Selatan, Lebuh Raya Kajang-Seremban (LEKAS) maut selepas dilanggar sebuah pacuan empat roda, dipandu seorang lelaki yang disyaki mabuk.

Pada 22 Mei, seorang lelaki memandu kenderaan pacuan empat roda secara berbahaya di sebuah tapak perniagaan di Bukit Sentosa, Rawang, Selangor menyebabkan lima orang cedera, sekali gus mencetuskan kemarahan pelbagai pihak.

Terbaru, pada 26 Mei lalu di Kuantan, pekerja Alam Flora, Irwan Herman Kamarudin, 41, maut selepas terbabit kemalangan dengan seorang pemandu dipercayai mabuk di Jalan Kuantan-Gebeng berdekatan Kampong Bukit Rangin.